

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 26 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 50

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan lokasi – lokasi pemasangan AES tambahan dan perbandingan data kes kemalangan di lokasi – lokasi kemalangan setelah AES beroperasi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 Mac 2019, sebanyak empat puluh lima (45) kamera Automated Enforcement System (AES) telah beroperasi iaitu empat (4) lokasi di negeri Johor, empat (4) lokasi di negeri Melaka, enam (6) lokasi di negeri Selangor, tujuh (7) lokasi di negeri Kedah, satu (1) lokasi di negeri Pulau Pinang, lima belas (15) lokasi di negeri Perak, dua (2) lokasi di Negeri Sembilan, dua (2) lokasi di negeri Terengganu, satu (1) lokasi di negeri Kelantan, dua (2) lokasi di negeri WPKL dan satu (1) lokasi di Putrajaya.
2. Pada masa ini, belum ada pemasangan kamera baharu dilakukan. Kerajaan sedang dalam peringkat kajian dan penentuan semula lokasi bagi membuat penambahbaikan dengan mengemaskini kawasan kerap kemalangan berasaskan data-data terkini. Walau bagaimanapun, penambahan kamera ini akan dilaksanakan kelak mengambilkira keperluan semasa serta peruntukan kewangan yang ada.
3. Berhubung dengan perbandingan data kes kemalangan di lokasi-lokasi AwAS beroperasi, satu kajian keberkesanan sistem AwAS bagi tempoh lapan (8) bulan pertama pelaksanaan AwAS mulai 23 September 2012, menunjukkan pengurangan kes kemalangan maut iaitu dua belas (12) kemalangan maut direkodkan di empat belas (14) lokasi kamera AES berbanding sembilan belas (19) kes bagi tempoh yang sama sebelum pelaksanaan AwAS. Ini bermakna AwAS telah berjaya mengurangkan sebanyak tujuh (7) kes kemalangan maut atau 36.84 % berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM).
4. Selain itu, analisis pada tahun 2017 yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) semasa Operasi Tahun Baru Cina 2017 (OPS TBC 2017) di tujuh (7) lokasi baharu AwAS menunjukkan tiada kematian yang direkodkan bagi tempoh

OPS TBC 2017 berbanding dua (2) kematian yang dicatatkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama. Bilangan kemalangan juga telah menurun sebanyak 18 kes (90%) kemalangan iaitu daripada dua puluh (20) kes pada tahun 2016 kepada dua (2) kes pada tahun 2017.

5. Analisis pihak MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AES di lebuhraya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 sebelum kamera AES beroperasi. Berikut merupakan senarai lokasi AES yang ditambah pada tahun 2017 dan 2018.
6. Melalui statistik-statistik tersebut, adalah dapat dibuktikan keberkesanan pelaksanaan AwAS dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melalui penurunan angka kemalangan maut dan kes kematian seperti yang telah dinyatakan.

Sekian, terima kasih.